

GPeace Rider 2020 Membantu Masyarakat yang Memerlukan

Oleh: Tasnim Natasha Mohamad Suhaini

Kuantan, 10 November: GPeace Rider telah menjelajahi 10 kampung di sekitar kawasan Kuantan bagi memberi sumbangan kepada kira-kira 20 keluarga asnaf.

Sumbangan yang berupa wang ringgit itu merupakan satu usaha buat warga Kuantan di samping memberi sedikit kegembiraan terhadap keluarga yang terkesan ketika pandemik Covid-19 ini.



Rajah 1: Encik Atoi Mohd Zahar bersama Encik Nasar Mohd bergambar bersama ahli kumpulan yang terlibat dalam membantu masyarakat yang memerlukan.

Penganjur Program, Atoi yang mengetuai program tersebut, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu menyebabkan ramai pihak terkesan dari segi kewangan apabila tidak dibenarkan untuk keluar bekerja mahupun membuat sebarang aktiviti luar.

Tambahan pula, masih ramai golongan yang kurang bernasib baik di luar sana yang memerlukan bantuan masyarakat yang berkemampuan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar atas kesedaran inilah, pihak GPeace Rider telah mengambil langkah prihatin dengan mengumpul dana hasil sumbangan seluruh penduduk Kuantan dan sebahagiannya di luar Kuantan untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

"Sumbangan orang ramai yang dibuat ini sehingga mencecah ribuan ringgit menunjukkan bahawa warga Kuantan benar-benar merasai kepayahan masyarakat dan ianya dizahirkan melalui program seumpama ini," katanya lagi.



Rajah 2: Warga asing terjejas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut diberi bantuan.

Sementara itu, Nasar Mohd selaku Setiausaha Program pula berkata program ini telah dijalankan dari tahun 2014 sehingga kini dan akan berterusan dari semasa ke semasa bertujuan untuk memberi bantuan kepada golongan kurang bernasib baik di sekitar Kuantan.

"Walaupun negara sedang diuji dengan kehadiran pandemik Covid-19, pihak kami bersyukur kerana semua warga Kuantan tetap tidak lupa terhadap kebajikan golongan asnaf terbabit,"katanya.

Beliau berkata, program pada tahun ini juga dilaksanakan dengan mengikut prosedur kawalan Covid-19 yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya berkaitan penjarakan sosial dan sentuhan fizikal dalam kalangan semua yang terlibat.

"Pihak kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program ini dan berharap GPeace Rider mampu membantu lebih ramai lagi golongan asnaf pada tahun-tahun akan datang," kata salah seorang ahli Gpeace Rider, Suhaini.